



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MOSTI LANCAR GARIS PANDUAN TADBIR URUS DAN ETIKA KECERDASAN BUATAN NEGARA (AIGE)

PUTRAJAYA, 20 September 2024 – YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air hari ini telah melancarkan Garis Panduan Tadbir Urus Dan Etika Kecerdasan Buatan Negara (Artificial Intelligence Governance And Ethics - AIGE).

AIGE ini adalah satu tatacara ke arah penggunaan teknologi AI yang selamat melalui pematuhan tujuh (7) prinsip AI yang bertanggungjawab. Garis panduan ini memfokuskan kepada tiga (3) kategori iaitu orang awam/pengguna, pembangun/penggubal dasar, dan pembangun/penyedia teknologi. Ia adalah komponen penting bagi menyokong pembangunan dan penggunaan AI di samping meningkatkan kesedaran dan menggalakkan pematuhan AI bertanggungjawab di seluruh negara menggunakan prinsip **“AI untuk Malaysia, AI untuk Semua”** (*AI for Malaysia, AI for All*).

YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof dalam ucapan turut menyatakan bahawa, “Garis panduan ini bukan sahaja bertujuan untuk menyediakan kerangka kerja bagi pengguna, penggubal polisi dan penyedia teknologi AI, tetapi juga untuk memastikan setiap langkah yang diambil adalah selaras dengan prinsip-prinsip etika yang tinggi. Ini termasuk aspek keselamatan, privasi, kebebasan, dan hak asasi manusia, yang kesemuanya perlu diutamakan dalam penggunaan teknologi ini.

AI telah menjadi topik yang hangat diperkatakan kerana potensi transformasinya yang merentas sektor dan impaknya ke atas segenap lapisan masyarakat. Pembangunan dan adaptasi teknologi AI sangat penting kepada negara dalam memacu

pertumbuhan ekonomi, menambah baik pelbagai sektor sosioekonomi, meningkatkan keselamatan negara dan memastikan negara kekal berdaya saing dalam landskap global yang sedang berkembang pesat. Selain daripada manfaat dalam bidang sosio-ekonomi yang mencipta peluang lebih luas dalam pelbagai bidang, kebimbangan ke atas penyalahgunaan AI turut mendapat perhatian daripada segenap lapisan masyarakat.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Chang Lih Kang berkata, “MOSTI bersama pemegang-pemegang taruh pembuat dasar, penyelidik, akademik, industri dan masyarakat, komited untuk menerajui inisiatif strategik dan pelan tindakan dalam Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Negara 2021-2025 untuk memanfaatkan kuasa AI bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Namun, kecanggihan teknologi ini datang bersama risiko dan tanggungjawab besar bagi memastikan ia digunakan dengan cara yang adil, bertanggungjawab, dan beretika.

Objektif garis panduan AIGE ini adalah seperti berikut:

- 1.1 Menyokong pelaksanaan Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Negara 2021-2025.
- 1.2 Memudahkan pelaksanaan tujuh prinsip AI yang bertanggungjawab.
- 1.3 Membina kepercayaan dalam AI yang ditekankan oleh prinsip-prinsip AI yang bertanggungjawab.
- 1.4 Mengurus risiko yang disebabkan oleh pembangunan dan teknologi AI.
- 1.5 Memaksimumkan faedah AI untuk meningkatkan produktiviti negara, pertumbuhan ekonomi dan daya saing.

Garis Panduan ini dibangunkan untuk kegunaan dan rujukan tiga kategori utama iaitu pengguna, penggubal polisi dan penyedia teknologi seperti berikut:

- i. Kategori 1: Orang awam/pengguna - Menerangkan tentang hak dan tanggungjawab mereka dalam menggunakan teknologi ini, dan seterusnya memperkasakan mereka dalam membuat keputusan dengan menggunakan teknologi dan aplikasi berasaskan AI.

- ii. Kategori 2: Pembangun/penggubal polisi - Membantu penggubal polisi dalam mengendalikan tadbir urus AI yang kompleks agar dapat mencapai keseimbangan antara inovasi teknologi, menyemai akauntabiliti, keadilan dan meminimumkan risiko AI. Tidak terhad kepada sektor Kerajaan, malah turut boleh dijadikan panduan di sektor yang membangunkan polisi dalam rangkaian bekalan yang khusus.
- iii. Kategori 3: Pembangun/penyedia teknologi - AI telah merevolusikan pelbagai sektor dan industri. Maka penting untuk setiap pemain industri menerima amalan AI yang bertanggungjawab untuk membuktikan komitmen mereka ke arah amalan AI yang beretika dan membina kepercayaan dari orang awam ke atas produk dan servis yang ditawarkan.

Atas sifat dokumen AIGE ini yang bersifat dinamik (*a living document*), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengalu-alukan pembangunan garis panduan AI yang spesifik mengikut keperluan sektoral dan industri kerana kaedah pemantauan yang terbaik adalah diperibadikan mengikut sektor dan industri. Penerimaan dan pematuhan garis panduan ini, secara kolektif akan dapat menyumbang kepada kemajuan AI dengan cara yang bermanfaat untuk pertumbuhan ekonomi negara dan kesejahteraan masyarakat. MOSTI menyeru semua pihak berkepentingan untuk berganding bahu dalam memajukan penggunaan AI yang bertanggungjawab dan beretika di dalam negara.

TAMAT

Disediakan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

20 SEPTEMBER 2024

Kit Media : <https://rb.gy/z7i0t0>

